

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2013



# Kabinet baru angkat sumpah

BH - 17/5/2013



**"Bagi pihak wanita, saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana menamakan dua menteri wanita dan lima timbalan menteri dalam barisan Kabinet beliau"**

**Rohani Abdul Karim,**  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



**"Kita mahu menarik lebih ramai wanita terbabit dalam bidang keusahawanan. Sekarang ini ramai wanita menceburi bidang perniagaan, jadi kita perlu terus memberikan sokongan dan bantuan kepada mereka"**

**Azidah Mohd Dun,**  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat

» **Muhyiddin dahului jemaah menteri ikrar simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong**

■ Kuala Lumpur

**T**imbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mendahului barisan menteri dan timbalan menteri yang dilantik kelmarin, mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini.

Upacara penuh istiadat itu disaksikan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. Turut hadir menyaksikan ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

**Penerimaan surat cara pelantikan**

Upacara yang berlangsung di Balai Ikrar Seri, Istana Negara itu bermula jam 10.10 pagi sejurus keberangkatan masuk Seri Paduka

Baginda berdua.

Upacara bermula dengan penerimaan surat cara pelantikan oleh Muhyiddin selaku Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi 1.

Beliau kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

**Menteri kanan**

Selepas Muhyiddin, enam menteri kanan iaitu Datuk Seri G Palanivel (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar); Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (Menteri Pelancongan dan Kebudayaan); Datuk Seri Hishammuddin Hussein (Menteri Pertahanan); Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah); Datuk Seri Mustapa Mohamed (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Datuk Dr Maximus Joh-nity Ongkili (Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air) mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta simpan rahsia masing-masing, diketuai Mohamed Nazri.

Selepas itu, acara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi menteri dan timbalan menteri dijalankan secara berkumpulan seramai enam orang.




**Dari kiri Ewon, Nancy, Abdul Rahman, Khairy Jamaludin dan Low** mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah i di Istana Negara, semalam.

[FOTO/BERNAMA]

Ini dimulakan dengan Datuk Seri Douglas Uggah Embas (Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi); Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (Menteri Dalam Negeri); Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (Menteri Komunikasi dan Multimedia); Datuk Seri Dr S Subramaniam (Menteri Kesihatan); Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) dan Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah (Menteri Kewangan II).

Mereka disusuli kumpulan kedua iaitu Datuk Seri Anifah Aman (Menteri Luar); empat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Datuk Seri Idris Jala, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Joseph Entulu Belaun, dan Datuk Rohani Abdul Karim (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat).

Ini diikuti kumpulan Datuk Fadillah Yusof (Menteri Kerja Raya), Datuk Hasan Malek (Menteri Per-



**Tuanku Abdul Halim berkenan bergambar bersama semua timbalan menteri di Istana Negara, semalam. Turut sama Najib dan Muhyiddin.**

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2013

BH

17 MEI 2013 © JUMAAT

NASIONAL 09



dagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan), Datuk Richard Riot Jaem (Menteri Sumber Manusia), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (Menteri Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Idris Jusoh (Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi II) dan Datuk Seri Shahidan Kassim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri).



Tuanku Abdul Halim berkenan bergambar bersama barisan anggota Kabinet Persekutuan pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia di Istana Negara, semalam. (FOTO BERNAMA)

**Barisan terakhir**

Barisan terakhir ialah Datuk Paul Low Seng Kwan (Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Menteri Belia dan Sukan), Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Nancy Shukri (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Dr Ewon Ebin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi).

Seramai 24 timbalan menteri turut mengangkat sumpah dan menerima watikah pelantikan masing-masing, semalam.

Turut hadir isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Seri Noorainee Abdul Rahman, dif-dif kehormatan dan jemputan yang kebanyakannya anggota keluarga barisan kabinet.

Najib telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada Jumaat, 6 Mei lalu.

Ketika mengumumkan anggota jemaah menteri yang baru kelmarin, Najib berkata, ia terdiri daripada mereka yang berpengalaman, teknokrat dan wakil golongan muda yang diyakini mampu meneruskan agenda transformasi nasional.

BERNAMA



“ Pendidikan adalah asas kepada kesejahteraan rakyat dan akan berusaha sebaik mungkin menjayakan saya bersyukur diberikan peluang dan akan memberikan yang terbaik untuk rakyat dan negara ”

Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi II



“ Gabungan kementerian ini adalah cabaran besar, namun saya yakin mampu melaksanakan tanggungjawab yang diberi sebaik mungkin ”

Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada Timbalan Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching (gambar atas); Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohd Saddique (gambar tengah) dan Timbalan Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi II, Puan Seri Noorainee Abdul Rahman (gambar bawah).

**Lafaz Sumpah Jawatan dan Setia**

Wallahi, Wabillahi, Watallahi,

“ Saya....., setelah dilantik memegang jawatan anggota Jemaah Menteri atau Timbalan Menteri Persekutuan dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagannya.”

**Lafaz Sumpah Simpan Rahsia**

Wallahi, Wabillahi, Watallahi,

“ Saya....., dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya tidak akan memberitahu atau menahirkannya kepada mana-mana orang sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan saya ketahui sebagai seorang anggota Jemaah Menteri kecuali sebagai mana yang mungkin dikehendaki untuk menunaikan dengan sewajarnya kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagai mana yang mungkin dibenarkan dengan khas oleh Yang di-Pertuan Agong.”